

SURAT IKATAN AMANAH TAMBAHAN INI dibuat pada**[tarikh]**

ANTARA

Penama yang dinyatakan di **Bahagian I** pada Jadual
(Kemudian daripada ini dikenali sebagai “Pengasas” sebagai satu pihak)

DAN

Penama-penama yang dinyatakan di **Bahagian II** pada Jadual
(Kemudian daripada ini dikenali sebagai “Pemegang Amanah Asal” sebagai satu pihak)

DAN

Penama-penama yang dinyatakan di **Bahagian III** pada Jadual
(Kemudian daripada ini dikenali sebagai “Pemegang Amanah Baru” sebagai satu pihak)

(Pemegang Amanah Asal dan Pemegang Amanah Baru boleh dirujuk secara berasingan sebagai “Pemegang Amanah” atau secara bersama sebagai “Pemegang-Pemegang Amanah”)

BAHAWASANYA –

- A. Pengasas dan penama-penama yang dinyatakan di **Bahagian II** pada Jadual (kemudian daripada ini dikenali sebagai “Pemegang-Pemegang Amanah Asal”) telah menandatangani Surat Ikatan Amanah bertarikh **[Tarikh Surat Ikatan Amanah Asal]** bagi mewujudkan suatu amanah yang dikenali sebagai **[Nama Pemerbadanan Pemegang Amanah]** (yang kemudiannya dirujuk sebagai “**Surat Ikatan Amanah Asal**”).

- B. Yayasan seterusnya telah meminda Surat Ikatan Amanah Asal melalui Surat Ikatan Amanah Tambahan bertarikh **[Tarikh Surat Ikatan Amanah Tambahan]**(yang kemudiannya dirujuk sebagai “**Surat Ikatan Amanah Pertama**”).

[Sila nyatakan semua surat ikatan amanah tambahan yang telah berkuat kuasa sebelumnya]

- C. Di bawah Klausula **[sila nyatakan nombor klausula yang memperuntukkan mengenai pelantikan pemegang amanah baharu/ pelantikan semula pemegang amanah/ pindaan surat ikatan amanah]** Surat Ikatan Amanah Asal memperuntukkan bahawa **[sila nyatakan peruntukan klausula tersebut]**.
- D. **[Nama Pemegang Amanah]** telah meletak jawatan sebagai Pemegang Amanah pada **[Tarikh peletakan jawatan]**.
- E. Tempoh perkhidmatan **[Nama Pemegang Amanah]** sebagai Pemegang Amanah telah berakhir pada **[Tarikh tamat tempoh perkhidmatan]**.
- F. **[Pihak yang berkuasa melantik pemegang amanah]** telah mengambil maklum peletakan jawatan/ tamat tempoh perkhidmatan tersebut dan melantik **[Nama pemegang amanah yang baharu dilantik]/** melantik semula **[Nama pemegang amanah yang dilantik semula]** sebagai Pemegang-Pemegang Amanah Baharu/ sebahagian daripada Pemegang-Pemegang Amanah Baharu.
- G. Pengasas dan Pemegang-Pemegang Amanah Baharu bersetuju untuk membuat tambahan terhadap Surat Ikatan Amanah Asal bagi tujuan pelantikan pemegang amanah baharu/ pelantikan semula pemegang amanah/pindaan terhadap Surat Ikatan Amanah Asal tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam Surat Ikatan Amanah Asal serta sebarang pengubahsuaian, perubahan dan pindaan terhadap Surat Ikatan Amanah Asal yang dimasukkan melalui Surat Ikatan Amanah Tambahan

ini.

MAKA SURAT IKATAN AMANAH TAMBAHAN ini menyaksikan sebagaimana berikut:

1. TAMBAHAN

- 1.1 Surat Ikatan Amanah Tambahan ini adalah sebagai tambahan kepada Surat Ikatan Amanah Asal dan perlu dibaca serta ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Surat Ikatan Amanah Asal.
- 1.2 Melainkan dinyatakan di dalam Surat Ikatan Amanah Tambahan ini, peruntukan di dalam Surat Ikatan Amanah Asal hendaklah terpakai bagi Surat Ikatan Amanah Tambahan ini.
- 1.3 Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Surat Ikatan Amanah Asal dan Surat Ikatan Amanah Tambahan ini, peruntukan Surat Ikatan Amanah Tambahan ini hendaklah mengatasi setakat mana ketidakselarasan tersebut.

2. TAKRIF

Takrifan dan definisi yang diguna pakai di dalam Surat Ikatan Amanah Asal akan terpakai juga di dalam Surat Ikatan Amanah Tambahan ini, melainkan jika sebaliknya dengan jelas ditakrifkan di dalam Surat Ikatan Amanah Tambahan ini atau yang konteksnya menghendaki makna yang lain.

3. TARIKH KUAT KUASA

- 3.1 Surat Ikatan Amanah Tambahan ini akan berkuat kuasa mulai **[Tarikh kuat kuasa surat ikatan amanah tambahan]**.
- 3.2 Surat Ikatan Amanah Tambahan ini dan Surat Ikatan Amanah Asal hendaklah pada tarikh kuat kuasanya disifatkan telah disatukan untuk membentuk dan dibaca sebagai satu surat ikatan amanah tertakluk

kepada perubahan yang terkandung di dalam Surat Ikatan Amanah Tambahan ini.

4. PELANTIKAN SEMULA/ PELANTIKAN PEMEGANG AMANAH

Pemegang-Pemegang Amanah Baharu hendaklah, pada tarikh kuat kuasa Surat Ikatan Amanah Tambahan ini, mengambil alih dan bertindak sebagai pemegang amanah/ pemegang-pemegang amanah penerus bagi Pemegang- Pemegang Amanah Asal bagi **[Nama Pemerbadanan Pemegang Amanah]** tertakluk kepada terma dan syarat seperti yang dinyatakan dalam Surat Ikatan Amanah Asal melainkan bagiapa-apa pelanggaran yang dibuat oleh Pemegang Amanah Asal.

5. PINDAAN KEPADA SURAT IKATAN AMANAH ASAL

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI bahawa Surat Ikatan Amanah Asal dipinda sebagaimana yang berikut:

- 5.1 Klausula **[Sila nyatakan nombor klausa yang ingin dipinda]** dikeluarkan daripada Surat Ikatan Amanah Asal/ Surat Ikatan Amanah Tambahan sepenuhnya.
- 5.2 Klausula **[Sila nyatakan nombor klausa yang ingin dipinda]** Surat Ikatan Amanah Asal/ Surat Ikatan Amanah Tambahan dipinda seperti berikut:

“...XXX...”

[Ruangan di bawah sengaja dibiarkan kosong]

PADA MENYAKSIKAN SURAT IKATAN AMANAH TAMBAHAN INI, maka kami yang terlibat menurunkan tandatangan masing-masing di tempat dan tarikh yang termaktub di atas.

Ditandatangani oleh **PENGASAS**)
di hadapan:)

.....

Nama :
No. K/P:
Jawatan:

.....

Nama Saksi:
No. K/P Saksi:
Jawatan Saksi:

.....

Nama:
No. K/P:
Jawatan:

Ditandatangani oleh **PEMEGANG-PEMEGANG AMANAH** di hadapan:)

.....

Nama Saksi:
No. K/P Saksi:
Jawatan Saksi:

.....

Nama:
No. K/P:

.....

Nama:
No. K/P:

.....

Nama:
No. K/P:

JADUAL**Bahagian I (Pengasas)**

| Bil. | Nama | No. Kad Pengenalan/ No. Pendaftaran Syarikat/ No. Pendaftaran Pertubuhan | Alamat |
|-------------|-------------|---|---------------|
| 1. | | | |
| 2. | | | |
| 3. | | | |

Bahagian II (Pemegang-Pemegang Amanah Asal)

| Bil. | Nama | No. Kad Pengenalan | Alamat | Tempoh Perkhidmatan |
|-------------|-------------|---------------------------|---------------|----------------------------|
| 1. | | | | |
| 2. | | | | |
| 3. | | | | |

Bahagian III (Pemegang-Pemegang Amanah Baharu)

| Bil. | Nama | No. Kad Pengenalan | Alamat | Tempoh Perkhidmatan |
|-------------|-------------|---------------------------|---------------|----------------------------|
| 1. | | | | |
| 2. | | | | |
| 3. | | | | |